


Headline	WUF9: Lawatan teknikal buka mata delegasi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	7	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	783 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,356
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,069



# WUF9: Lawatan teknikal buka mata delegasi

ZAILA MOHAMED ALI

## FORUM BANDAR SEDUNIA



KUALA LUMPUR • 7-13 FEB 2018

**UN HABITAT**  
FOR A BETTER URBAN FUTURE

Sempena World Urban Forum 9 (WUF9) yang berlangsung baru-baru ini, satu lawatan teknikal telah diadakan mengikut tema-tema yang telah ditetapkan.

Dalam lawatan berkenaan, delegasi WUF9 belajar dan mengalami sendiri tentang konsep kesejahteraan bandar di Malaysia dan proses urbanisasi, dengan topik spesifik dipilih oleh mereka sendiri.

Hasil lawatan teknikal ini menyumbang kepada pengetahuan baru kepada semua delegasi, dan pengalaman yang dikongsi dibawa pulang ke negara masing-masing. Lawatan ini percuma, selain pengangkutan dan makanan turut disediakan.

### Laluan 1 : Social Enterprise

Malaysia telah mengambil langkah-langkah proaktif dengan membina prasarana yang kukuh untuk usahawan tempatan dalam landskap global. Usahawan juga perlu kreatif dan inovatif agar mereka mampu menempatkan diri dalam pasaran yang kompetitif. Satu ekosistem keusahawanan yang mantap dan mampan harus dibangunkan agar ia menjadi pemacu ekonomi negara untuk terus berdaya saing. Kawasan lawatan ialah Youth Café, Sentul (Project B), Urban Farming, Taman Herba Sg. Midah PPR Raya Permai Tambahan (DBKL & Persatuan Penduduk) dan Medan Pasar & Urban Village (Think City).



Taklimat di PPR Raya Permai bagi sesi lawatan Urban Farming.

**Laluan 2 : Urban Solution & Innovation**  
Bandar-bandar di Malaysia semakin menghadapi dalam usaha menambah baik kualiti kehidupan bandar. Beberapa inovasi bandar telah dilaksanakan telah mengubah kehidupan berjuta-juta penduduk dengan penambahbaikan sistem pengangkutan, kumbahan, rumah kediaman dan juga tempat kerja baru. Kawasan lawatan ialah Bandar Sunway (Sunway Group), Pantai 2 STP (IWK) dan 'River of Life' (DBKL).



Sesi bergambar, taklimat dan penyampaian cenderamata kepada tuan rumah lawatan ke Sunway City.

**Laluan 3 : Urban Development Flagship**  
Urbanisasi hari ini menawarkan akses kepada cara hidup baru, peluang baru, dan penyelesaian berdaya maju kepada keperluan populasi dan persekitaran yang semakin meningkat. Ia juga satu percubaan berani, menawarkan model terkehadapan untuk mewujudkan tempat yang lebih pintar untuk tinggal, bekerja dan bermain. Kawasan lawatan ialah Putrajaya dan Cyberjaya.



River cruise di Putrajaya.

### Laluan 4 : Urban Regeneration

Pembangunan semula bandar di kawasan yang kurang digunakan atau tidak lagi berfungsi dengan dihidupkan semula melalui pelbagai aktiviti melibatkan komuniti tempatan. Pembangunan semula bandar telah diiktiraf sebagai salah satu mekanisme perancangan bandar di Malaysia terutamanya di projek perumahan terbengkalai atau kawasan komersial lama yang tidak berdaya saing. Kawasan lawatan ialah Sentul Timur & Barat (YTL), Bukit Bintang City Centre (UDA) dan KL Sentral (SPAD).



Sesi lawatan di sekitar Kuala Lumpur Sentral dan perkongsian pengalaman menaiki MRT bersama tuan rumah, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat.

### Laluan 5 : Urban Housing

Pertumbuhan sektor perumahan Malaysia disokong oleh tiga faktor, antaranya penduduk yang semakin meningkat, kadar pembandaran yang tinggi dan ekonomi yang melonjak naik. Di Malaysia, dasar perumahan telah berkembang sejak beberapa tahun lalu menerusi pelbagai rancangan pembangunan negara. Permintaan untuk perumahan di Malaysia telah meningkat berikutan pertumbuhan ekonomi yang sihat. Kawasan lawatan ialah Kuala Lumpur Homeless Transit Centre (KWP), Residensi Kerinchi (Persatuan Penduduk, KWP) dan PPR Seri Alam (DBKL & JPN).



Aktiviti bersama Penghuni Pusat Gelangpang.

### Laluan 6 : Urban Greenery

Malaysia mempunyai visi untuk mencapai status 'Taman Negara' menjelang 2020, dan sejajar dengan itu, kita perlu mencari jalan untuk memastikan pembangunan seimbang dan integriti ekologi dipelihara. Elemen kehijauan bandar dalam pembangunan negara perlu diberi penekanan supaya pembangunan fizikal dan kualiti hidup dapat discimbangkan. Kawasan lawatan ialah Forest Research Institute Malaysia (FRIM) dan Perdana Botanical Garden (DBKL).



Taklimat dan aktiviti di FRIM Trails, Botanic Gallery dan Crown Shyness.

### Laluan 7 & 8 : Urban Heritage

Warisan bersejarah bandar-bandar di Malaysia kini berhadapan dengan masalah akibat pertumbuhan penduduk dan pembangunan ekonomi yang pesat. Pembangunan perbandaran baru dengan reka bentuk moden dan ketidakseragaman sosio budaya di pinggir bandar-bandar bersejarah turut memberi tekanan serta mengganggu identiti bandar warisan. Oleh itu, inisiatif pembangunan semula perlu diperkenalkan untuk mengembalikan kegemilangan selain memperbaiki gaya



Aktiviti 'walkabout' di kawasan warisan.

hidup penduduk setempat. Kawasan lawatan ialah Melaka dan Pulau Pinang.

### Laluan 9 : Urban-Rural Linkages

Perbandaran mempunyai kesan yang ketara ke atas kawasan luar bandar, terutamanya sumber bekalan makanan dan juga sumber-sumber asli yang lain. Di seluruh dunia, kita menyaksikan peningkatan dalam pengeluaran sumber bekalan makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan tenusu, untuk memenuhi permintaan di bandar. Kawasan luar bandar ini dihubungi oleh rangkaian pengangkutan, sistem komunikasi, kemudahan elektrik dan mempunyai rangkaian peniaga tempatan. Kawasan lawatan ialah Pulau Carey (JKOA).



Lawatan ke Mah Meri Cultural Village di Pulau Carey.

**Urbanisasi hari ini menawarkan akses kepada cara hidup baru, peluang baru, dan penyelesaian berdaya maju kepada keperluan populasi dan persekitaran yang semakin meningkat**



Antara aktiviti sepanjang lawatan



Delegasi melawat sendiri kemudahan yang disediakan